

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

TARIKH : KHAMIS, 2 APRIL 2015

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilangan orang yang meninggal dunia dengan meninggalkan harta pusaka antara RM1-3 juta, RM4-5 juta, RM6-10 juta dan yang melebihi RM10 juta kepada pewarisnya untuk tiap tahun antara 2005 dan 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) (JKPTG) hanya mengendalikan kes-kes permohonan pembahagian harta pusaka yang mana nilai keseluruhan sesuatu harta pusaka tidak melebihi RM2 juta bermula pada 1 September 2009 dan bagi nilai melebihi RM 2 juta adalah dibawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi. Bagi tempoh 31 Ogos dan sebelumnya, JKPTG hanya mengendalikan permohonan pembahagian harta pusaka yang mana nilai keseluruhan sesuatu harta pusaka tidak melebihi RM600 ribu dan nilai melebihi RM600 ribu bagi tempoh itu adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Berikut adalah statistik permohonan yang dikendalikan oleh JKPTG dari tahun 2005 hingga tahun 2014:

Tahun	Bilangan Permohonan
2005	72
2006	53
2007	98
2008	67
2009	176
2010	489
2011	595
2012	755

2013	977
2014	1143

Sekian, terima kasih.